

Umno mampu hadapi pengkhianat parti

KUALA LUMPUR: Umno mampu menghadapi kemungkinan wujudnya golongan yang cuba merosakkan perpaduan parti itu di Sabah ekoran kesediaannya untuk menerima semua rakyat Bumiputera sebagai ahlinya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Umno di Semenanjung pernah mempunyai sejarah perpecahan yang berpunca daripada pemimpin sendiri dan pengalaman itu boleh digunakan untuk menghadapi kemungkinan yang sama di Sabah.

"Kita pun ada sejarah macam mana nak tentukan segala usaha cuba merosakkan (parti) dari dalam, dapat dibanteras.... pengalaman itu kita ada," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam.

Beliau mengulas kesediaan Umno menerima keahliannya di Sabah tanpa mengira parti dan latar belakang politik, walaupun ia mungkin menimbulkan cubaan memecahbelah Umno Sabah dari dalam.

Mengenai kewujudan kumpulan tertentu di Sabah yang mahu menyertai Umno, beliau berkata bagi menghadapi masalah itu, MT menentukan supaya penyusunan Umno di

sana diawasi sendiri oleh Umno.

"Kita berpendapat bahawa kita boleh mengatasi sebarang salah faham. Semuanya ini (kumpulan tertentu) penaja juga dan bukannya semua dalam Umno. Kita sanggup menerima semua walaupun bukan dari Umno," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno sedang mengambil langkah penting bagi memastikan supaya penyusunan Umno di Sabah dapat dilakukan dengan cara berkesan.

Sehubungan itu, katanya, MT sukacita atas pendirian Timbalan Pengerusi Umno Sabah, Tun Mustapha Datu Harun kerana sanggup menerima semua rakyat negeri itu yang sudi menyertai umno.

"Seperti di Semenanjung, kita akan menerima sesiapa sahaja yang ingin menyertai Umno walaupun dahulu mereka terdiri daripada parti lain, sama ada Umno atau ahli parti lain yang berminat nak jadi ahli Umno Sabah.

"Kita juga akan mengadakan perbincangan dengan Tun Mustapha dalam biro politik dari semasa ke semasa untuk menentukan susunan Umno di negeri itu berjalan licin dan teratur," katanya.

Presiden Umno juga berkata, mesyuarat MT hari ini ber-

setuju melantik 20 orang termasuk Tun Mustapha sebagai Ketua Jawatankuasa Penaja Umno Bahagian di Sabah. Enam daripada mereka ia bukan daripada Umno.

Tun Mustapha dilantik sebagai Ketua Penaja Bahagian Kota Belud, Datu Haji Abdul Salam Datu Harun (Marudu), Saidi Suari (Bandau), Juslie Ajirul (Jambongan), Haji Amping Puyon (Sandakan), Haji Juhar Mahiruddin (Kinabatangan).

Encik Osu Haji Sukam (Papar), John O T Ghani (Kimanis), Onn Ariffin (Limawang), Dr Yusof Yacob (Padas), Datuk Dr Kassim Kamidin (Tawau), Encik Ralley Haji Jeffrey (Silam), Tan Sri Haji Sankaran Dandai (Semporna), Yahya Hussein (Tanjung Aru).

Enam lagi jawatankuasa penaja ialah bukan ahli Umno iaitu Encik Edward Sinsua (Penampang), Datuk Kasitah Gadam (Kinabalu), Datuk Mohd Dun Banir (Keningau), Datuk Zulkifli Hamid (Gaya), Haji Karim Ghani (Pensiangan) dan Abdul Rahim Ismail (Tuaran).

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, Ketua Pengerangan Umno Datuk Haji Hussein Ahmad diberikan tugas khas bagi memastikan penyusunan Umno Sabah berjalan lancar.